



JABATAN KESIHATAN WILAYAH PERSEKUTUAN  
KUALA LUMPUR DAN PUTRAJAYA

Jalan Cenderasari  
50590 KUALA LUMPUR

Tel : 03-2268 7333  
Laman Web : jknkl.moh.gov.my

Ruj Kami : Bil ( 3 ) dlm. JKWPKL/UKPBV/700/2/1 -2  
Tarikh : 6 Mac 2026



SENARAI EDARAN

Ybhg. Tan Sri/Dato'/Datuk/Tuan/Puan,

**DENGUE ALERT: PENINGKATAN KES DENGGI PADA TAHUN 2026 DI WILAYAH PERSEKUTUAN KUALA LUMPUR DAN PUTRAJAYA (WPKL&P)**

Dengan segala hormatnya saya merujuk kepada surat dari Pejabat Timbalan Ketua Pengarah Kesihatan (Kesihatan Awam), Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) bertarikh 26 Februari 2026 rujukan KKM.600-29/4/56 JLD 23 (10) mengenai perkara di atas.

2. Untuk makluman YBhg. Tan Sri/Dato'/Datuk/Tuan/Puan, sepanjang tahun 2026 sehingga Minggu Epidemiologi 8 (28 Februari), sebanyak 10,224 kes denggi telah dilaporkan di seluruh negara. Jumlah ini menunjukkan penurunan sebanyak 2.6% berbanding 10,495 kes bagi tempoh yang sama pada tahun 2025. Walau bagaimanapun, situasi berbeza di WPKL & Putrajaya dengan **peningkatan kes denggi sebanyak 29.4%**, iaitu 1,678 kes dilaporkan berbanding 1,297 kes bagi tempoh yang sama pada tahun sebelumnya.

3. Sehubungan dengan itu, tindakan pencegahan bagi mengekang peningkatan kes perlu dilaksanakan dengan kadar segera merangkumi pelbagai peringkat agensi dan komuniti:

**a) Peringkat Pejabat Kesihatan dan Pejabat Kesihatan Parlimen DBKL:**

- i. **Mobilisasi Sumber:** Melaksanakan mobilisasi dalaman anggota kesihatan (atau bantuan dari pejabat kesihatan parlimen lain) bagi memperkukuh tindakan kawalan lapangan, khususnya aktiviti *larviciding*.
- ii. **Pemantauan Operasi:** Memperkasakan penyeliaan aktiviti pencegahan harian melalui Bilik Gerakan Denggi dan pemantauan berkala di lapangan.
- iii. **Penyelarasan Inter-Agensi:** Mengadakan mesyuarat penyelarasan bersama Jawatankuasa Wabak Denggi Peringkat Pejabat Kesihatan bagi menyelesaikan isu-isu kritikal secara bersepadu.

- iv. **Pengaktifan COMBI:** Mengaktifkan semula peranan pasukan **COMBI** dalam menangani penularan di kawasan berisiko tinggi.
- v. **Penguatkuasaan Undang-Undang:** Mempertingkatkan kerjasama dengan pelbagai jabatan di DBKL bagi tindakan penguatkuasaan di lot tanah kosong dan premis bermasalah.
- vi. **Kawalan Vektor Secara Teknikal:** Menjalankan aktiviti *larviciding* menggunakan BTi dan *mist blower* di kawasan sampah haram dan tanah lot. Penggunaan Temephos EC perlu dioptimumkan bagi kawasan takungan air yang tidak sesuai untuk BTi (seperti tangki septik dan tapak binaan).
- vii. **Promosi Kesihatan:** Memperkasakan agenda promosi kesihatan bagi memastikan orang awam lebih proaktif dalam penjagaan kesihatan sendiri dan segera mendapatkan rawatan awal sekiranya bergejala, terutama dari lokaliti *hotspot* denggi.
- viii. **Pengurusan Sumber:** Memastikan kecukupan peruntukan kewangan, tenaga kerja, dan logistik peralatan bagi menjamin kelestarian operasi kawalan.

**b) Peringkat Fasiliti Kesihatan Primer:**

- i. **Kompetensi Klinikal:** Memastikan anggota di *zon triage*, kecemasan, dan klinik memberi rawatan berdasarkan Panduan Amalan Klinikal (CPG) Denggi dan dapat mengenal pasti tanda-tanda amaran (*warning signs*) serta mampu menguruskan rujukan kes *Severe Dengue* dengan cekap.
- ii. **Diagnosis:** Menggunakan *Combo Rapid Test Kit* (CRTK) bagi semua kes disyaki denggi. Penggunaan *Full Blood Count* (FBC) adalah tujuan pemantauan kes yang telah disahkan denggi dan bukan untuk diagnosis.
- iii. **Notifikasi:** Kes denggi dinotifikasi dalam tempoh 24 jam ke pejabat kesihatan.
- iv. **Pemantauan Pesakit:** Melaksanakan pemantauan rapi bagi kes rawatan susulan dan memastikan setiap pesakit dibekalkan dengan *Dengue Alert Card*.
- v. **Fasiliti Bebas Pembiakan Aedes:** Memastikan kawasan fasiliti bebas dari pembiakan *Aedes* menerusi aktiviti penghapusan tempat pembiakan setiap minggu.

**c) Peringkat Hospital:**

- i. **Latihan:** Memastikan kakitangan di Jabatan Kecemasan dan wad terlatih dalam Panduan Amalan Klinikal (CPG) Denggi terkini, terutamanya bagi kategori *Severe Dengue*.
- ii. **Pelan Kontigensi:** Menyediakan pelan kesiapsiagaan fasiliti bagi menghadapi potensi lonjakan jumlah pesakit, termasuk pengurusan kes kritikal di Unit Rawatan Rapi (ICU) dan *High Dependency Ward* (HDW).
- iii. **Dengue Champion Team:** Memperkasakan peranan *Dengue Champion Team* hospital bagi memperkukuh kualiti pengurusan klinikal denggi serta melaksanakan audit secara berkala.

**d) Peringkat Sekolah dan Komuniti:**

- i. **Gotong-Royong:** Melaksanakan gotong-royong dengan fokus utama pemusnahan habitat pembiakan nyamuk *Aedes*.
- ii. **Penglibatan Awam:** Memperkasakan peranan ahli COMBI dalam memimpin aktiviti pembersihan di kawasan kediaman masing-masing.
- iii. **Penyelesaian Isu Setempat:** Bekerjasama menangani punca pembiakan jentik-jentik seperti isu sampah tidak teratur, kenderaan terbiar dan sistem perparitan yang tersumbat.
- iv. **Pemeriksaan Premis:** Meluangkan masa 10 minit setiap minggu untuk melakukan pemeriksaan sendiri pembersihan dalam dan luar kawasan sekolah/rumah.
- v. **Perlindungan Kendiri:**
  - Penggunaan aerosol pada waktu puncak aktif nyamuk (6:00–8:00 pagi & 6:00 petang–8:00 malam).
  - Pemakaian pakaian berwarna cerah dan berlengan panjang serta penggunaan repelen sebagai langkah perlindungan diri.
- vi. **Rawatan Awal:** Mendapatkan nasihat doktor dengan segera jika mempunyai gejala demam, sakit-sakit sendi yang teruk, cirit-birit, muntah, sakit perut dan / atau pendarahan gusi.

**e) Peringkat Bahagian Perumahan ATM dan PDRM**

- i. **Pemeriksaan Rumah Kosong:** Melaksanakan pemeriksaan berkala secara menyeluruh terhadap semua unit kediaman kosong bagi menjamin sifar pembiakan nyamuk *Aedes*.

- ii. **Isu Struktur Bangunan:** Menjalankan kerja-kerja pembaikan struktur bangunan yang berisiko menjadi takungan air bagi menghapuskan tempat potensi pembiakan *Aedes*.
- iii. **Pengurusan Sisa Pepejal:** Mengoptimumkan jadual kutipan sisa pepejal dan sampah pukat secara sistematik bagi mengelakkan longgokan sisa yang mengundang risiko pembiakan *Aedes*.

5. Sebarang pertanyaan mengenai perkara tersebut, Ybhg. Tan Sri/Dato'/Datuk/Tuan/Puan boleh menghubungi **Dr. Muhammad Saufi** di emel [dr.msaufi@moh.gov.my](mailto:dr.msaufi@moh.gov.my). Segala kerjasama dan perhatian Ybhg. Tan Sri/Dato'/Datuk/Tuan/Puan dalam usaha menurunkan kes denggi amat dihargai dan diucapkan ribuan terima kasih.

Sekian,

**“MALAYSIA MADANI”**  
**“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”**

Saya yang menjalankan amanah,



**(DATIN DR. HALIZA BT ABDUL MANAF, JMW)**

No MPM: 30854 NSR: 127989

Pakar Perunding Perubatan Kesihatan Awam

Pengarah Kesihatan Negeri


Jabatan Kesihatan Wilayah Persekutuan

Kuala Lumpur dan Putrajaya

S.k: Timbalan Pengarah Kesihatan Negeri (Kesihatan Awam), JKWPKL&P  
Timbalan Pengarah Kesihatan Negeri (Perubatan), JKWPKL&P  
Ketua Cawangan Penyakit Bawaan Vektor, JKWPKL&P  
Ketua Cawangan Entomologi dan Pest, JKWPKL&P  
Ketua Cawangan Survelans, JKWPKL&P  
Ketua Cawangan Kesihatan Primer  
Ketua Cawangan Promosi Kesihatan

## SENARAI EDARAN

1. Pengarah  
Jabatan Kesihatan dan Alam Sekitar  
Dewan Bandaraya Kuala Lumpur
2. Pegawai Kesihatan  
Pejabat Kesihatan Titiwangsa
3. Pegawai Kesihatan  
Pejabat Kesihatan Lembah Pantai
4. Pegawai Kesihatan  
Pejabat Kesihatan Cheras
5. Pegawai Kesihatan  
Pejabat Kesihatan Kepong
6. Pegawai Kesihatan  
Pejabat Kesihatan Putrajaya
7. Pengarah  
Hospital Kuala Lumpur
8. Pengarah  
Hospital Tunku Azizah
9. Pengarah  
Hospital Putrajaya
10. Pengarah  
Hospital Rehabilitasi Cheras
11. Pengarah  
Hospital Canselor Tuanku Mukhriz UKM Kuala Lumpur
12. Pengarah  
Hospital Angkatan Tentera Tuanku Mizan Kuala Lumpur
13. Pengarah  
Private Medical Practitioners Association Malaysia

14. Pengarah  
Malaysian Medical Association (Ibu Pejabat)
-  15. Pengarah  
Malaysian Medical Association cawangan Wilayah Persekutuan
16. Pengarah  
Gleneagles Hospital Kuala Lumpur
17. Pengarah  
Prince Court Medical Centre Kuala Lumpur

---

18. Pengarah  
Pantai Hospital Kuala Lumpur
19. Pengarah  
Pantai Hospital Cheras
20. Pengarah  
Hospital Pakar KPJ Sentosa Kuala Lumpur
21. Pengarah  
Hospital Pakar KPJ Tawakkal Kuala Lumpur
22. Pengarah  
Hospital Pakar KPJ Ampang Puteri Kuala Lumpur
23. Pengarah  
KMI Taman Desa Medical Centre Kuala Lumpur
24. Pengarah  
Hospital PUSRAWI Sdn. Bhd. Kuala Lumpur
25. Pengarah  
Lourdes Medical Centre Kuala Lumpur
26. Pengarah  
Hospital Pakar Al-Islam Kuala Lumpur
27. Pengarah  
Hospital Tung Shin Kuala Lumpur

28. Pengarah  
ParkCity Medical Centre Kuala Lumpur
29. Pengarah  
Hospital Columbia Asia Setapak Kuala Lumpur
30. Pengarah  
Hospital Columbia Asia Bukit Jalil Kuala Lumpur
31. Pengarah  
Sunway Medical Centre Velocity Kuala Lumpur
32. Pengarah  
Damai Service Hospital (HQ) Kuala Lumpur
33. Pengarah  
Hospital Global Doctors Kuala Lumpur
34. Pengarah  
Jabatan Wilayah Persekutuan  
Bahagian Sosio Ekonomi
35. Pengarah  
Markas Angkatan Tentera Malaysia  
Bahagian Perkhidmatan Kesihatan
36. Pengarah Pendidikan  
Jabatan Pendidikan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur
37. Pengarah Pendidikan  
Jabatan Pendidikan Wilayah Persekutuan Putrajaya
38. Ketua Klinik  
Klinik Kesihatan Bandar Tun Razak
39. Ketua Klinik  
Klinik Kesihatan Batu Muda
40. Ketua Klinik  
Klinik Kesihatan Cheras


41. Ketua Klinik  
Klinik Kesihatan Cheras Baru
42. Ketua Klinik  
Klinik Kesihatan Dato' Keramat
43. Ketua Klinik  
Klinik Kesihatan Jinjang
44. Ketua Klinik  
Klinik Kesihatan Kampung Pandan

---

45. Ketua Klinik  
Klinik Kesihatan Kuala Lumpur
46. Ketua Klinik  
Klinik Kesihatan Muhibbah
47. Ketua Klinik  
Klinik Kesihatan Petaling Bahagia
48. Ketua Klinik  
Klinik Kesihatan Putrajaya Presint 9
49. Ketua Klinik  
Klinik Kesihatan Putrajaya Presint 11
50. Ketua Klinik  
Klinik Kesihatan Putrajaya Presint 14
51. Ketua Klinik  
Klinik Kesihatan Salak Selatan
52. Ketua Klinik  
Klinik Kesihatan Segambut
53. Ketua Klinik  
Klinik Kesihatan Sentul
54. Ketua Klinik  
Klinik Kesihatan Setapak

55. Ketua Klinik  
Klinik Kesehatan Sungai Besi
56. Ketua Klinik  
Klinik Kesehatan Tanglin
57. Ketua Klinik  
Klinik Kesehatan UTC Keramat Mall
58. Ketua Klinik  
Klinik Kesehatan UTK Pudu Sentral


RAJAH 5: TREN KES DENGGI DI WP KUALA LUMPUR DAN PUTRAJAYA  
BAGI TAHUN 2025, 2026 DAN MEDIAN 5 TAHUN



**JADUAL 2: KUMULATIF KES DENGGI & WABAK MENGIKUT PARLIMEN SEHINGGA ME08/2026**

INDIKATOR	BIL PARLIMEN
1-100 KES	5
101-200 KES	6
>201 KES	1

PEJABAT KESIHATAN	PKD
TITIWANGSA	TT
LEMBAH PANTAI	LP
KEPONG	K
CHERAS	C
PUTRAJAYA	PJ



PARLIMEN	PKD	KES	WABAK
Bukit Bintang	LP	312	61
Batu	K	194	30
Wangsa Maju	TT	191	28
Segambut	K	176	26
Titiwangsa	TT	170	20
Setiawangsa	TT	142	27
Cheras	C	138	18
Seputeh	LP	100	11
Lembah Pantai	LP	98	12
Bandar Tun Razak	C	86	14
Kepong	K	37	7
Putrajaya	PJY	34	6
<b>WPKL&amp;PUTRAJAYA</b>		<b>1,678</b>	<b>260</b>

JABATAN KESIHATAN WP KUALA LUMPUR DAN PUTRAJAYA (JKWPKL&P)

